

15 AUG 2001

Hamid-Tabung Haji

PENYUSUNAN SEMULA TABUNG HAJI UNTUK KEPENTINGAN PENYIMPAN

SANA'A, 15 Ogos (Bernama) -- Penyusunan semula Tabung Haji dibuat demi kepentingan penyimpan yang, antara lain, membolehkan mereka mendapat keuntungan lebih tinggi daripada simpanan, kata bekas Pengerusinya Tan Sri Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata profil penyimpan Tabung Haji telah berubah dengan dahulu simpanan dibuat bagi membolehkan mereka menunaikan haji tetapi sejak 10 tahun kebelakangan ini, simpanan adalah untuk tujuan pelaburan.

Hakikatnya ialah umat Islam sanggup mengeluarkan wang dari tempat simpanan lain untuk disimpan dalam Tabung Haji kerana pelbagai sebab seperti jaminan kerajaan, dividen yang dikecualikan cukai serta faktor bayaran zakat yang diuruskan oleh agensi itu, katanya.

"Ini menjadikan Tabung Haji mendapat sambutan orang ramai sebagai tempat melabur. Inilah antara faktor kerajaan berfikir penyusunan semula pengendalian aset yang banyak ini perlu dibuat kerana penyimpan sudah mula bertanya tentang dividen," katanya.

Beliau memberitahu demikian kepada wartawan Malaysia yang berada di sini untuk membuat liputan lawatan empat hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Yemen mulai Rabu.

Abdul Hamid, yang juga Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, diminta mengulas tentang penyusunan semula Tabung Haji, yang kini mempunyai kira-kira empat juta penyimpan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, dalam satu wawancara dengan akhbar Utusan Malaysia, berkata pengurusan Tabung Haji akan disusun semula secara menyeluruh bagi mengelakkan agensi itu mengalami kerugian besar sehingga terpaksa diselamatkan seperti Penerbangan Malaysia (MAS) dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

Abdul Hamid (Othman) berkata oleh kerana suasana ekonomi dan arah aliran perniagaan di seluruh dunia semakin berubah, kerajaan beranggapan Tabung Haji juga perlu menuju ke arah perubahan.

"Sebelum inipun, kita telah nampak penyusunan semula dalam institusi kewangan, organisasi atau syarikat kerajaan dibuat. Begitu juga dengan syarikat yang tersenarai yang kerajaan sangat memandang berat tentang perkembangan mereka," katanya.

Menurutnya mana-mana institusi pelaburan yang mengumpulkan sejumlah dana dan aset yang besar perlu berubah mengikut keadaan semasa.

Katanya Tabung Haji juga merupakan antara institusi yang menyumbang ke arah simpanan dalam negara yang berguna termasuk daripada segi melawan inflasi.

Ditanya tentang tanggapan bahawa Tabung Haji mengalami kerugian, Abdul Hamid berkata: "Bukan kerugian tapi tak untung kerana (kedudukan) ekonomi negara dan kejatuhan harga kelapa swit yang cukup mendadak."

Bagaimanapun, harga pasaran kelapa sawit sudah mula "lega" sedikit, katanya.

Menurutnya kira-kira tiga peratus daripada dividen yang dibayar oleh Tabung Haji kepada penyimpan diperolehi daripada penglibatannya dalam tanaman kelapa sawit.

Ketika ditanya tentang bayaran menunaikan haji yang semakin meningkat, Abdul Hamid berkata konsep menunaikan haji ialah seseorang itu perlu mampu membayar kos untuk melakukan ibadat itu.

-- BERNAMA

MAM NAK